

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99**

OGOS/SEPTEMBER 1998

RPK 532 - Perancangan Pembangunan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja: **BAHAGIAN A: Jawab DUA soalan dan BAHAGIAN B: Jawab DUA soalan.**

1. "Pembangunan" mempunyai pelbagai erti dan definisi, bergantung kepada perspektif dan kriteria pengukur yang digunakan. Berikan contoh satu negara atau situasi di mana kemajuan ekonomi telah dicapai tetapi tanpa pembangunan. Dengan menggunakan contoh tersebut, terangkan maksud "Kemajuan tanpa pembangunan". Mengapakah perlu seorang perancang memahami dengan baik makna pembangunan?

(100 markah)
2. Model Perubahan Struktur Chenery membincangkan anjakan struktur pengeluaran dari negara yang berpendapatan rendah ke negara yang berpendapatan tinggi.
 - (a) Bincangkan apakah penemuan Chenery berkenaan dengan struktur pengeluaran sektor-sektor.
 - (b) Bagaimanakah faktor-faktor yang mempengaruhi proses pembangunan (seperti kedapatan dan saiz sumber, polisi dan objektif kerajaan, teknologi dan modal) menentukan tempoh pembangunan sesebuah negara.

(100 markah)
3.
 - (a) Terangkan ciri-ciri perbezaan utama di antara Model Pergantungan dengan Model Neoklasikal Counter - Revolusi.
 - (b) Apakah implikasi perbezaan-perbezaan tersebut terhadap proses pembuatan dasar.

(100 markah)

...2/-

4. Pada pendapat anda “ketaksamaan pendapatan” lebih menonjol di peringkat permulaan ataupun di peringkat sudah membangun. Terangkan proses yang telah berlaku.

(100 markah)

BAHAGIAN B (Jawab DUA soalan sahaja)

5. (a) Apakah yang difahamkan dengan “proses pembangunan”?
- (b) Nyatakan keberkesanan undang-undang yang berkaitan dengan pelan pembangunan dalam memastikan penyertaan semua pihak yang terlibat dalam proses pembentukan pelan.

(100 markah)

6. Huraikan dengan jelas ketidak seimbangan aktiviti pembangunan semasa di Malaysia. Apakah kebimbangan yang timbul di kalangan perancang bandar dan kenapa?

(100 markah)

7. Siapakah yang anda anggap pelanggan yang terpenting dalam perkhidmatan perancangan di Malaysia? Terangkan dengan jelas jawapan anda.

(100 markah)

8. Nyatakan peranan pemaju dalam proses pembangunan hartanah di negara ini. Komen ke atas signifikannya.

(100 markah)

-ooo00ooo-